

KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI

TAHUN 2025 (MEI)



UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN MBBJ



Empat suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Datuk Seri ditahan kemuka tuntutan palsu RM360 juta

Tiga lagi suspek
turut diberkas
ketika hadir beri
keterangan di Ibu
Pejabat SPRM

Cheh Nor Azizah Mokhtar
azizah_mokhtar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya
Pencegahan Rasuah Malaysia
(SPRM) menahan empat indi-
vidu, termasuk seorang bergelar

Datuk Seri kerana disyaki menge-
mukakan tuntutan mengandungi
butir matan palsu berjumlah ki-
ra-kira RM360 juta.

Sumber berkata, semua sus-
pek terdiri tiga lelaki dan seorang
wanita berusia antara 50 hingga
70-an itu ditahan antara jam 4
hingga 6 petang kelmarin, ketika
hadir memberi keterangan di Ibu
Pejabat SPRM Putrajaya di sini.

"Siasatan awal mendapati
mereka dipercayai mengemuka-
kan tuntutan palsu sekitar 2016
hingga 2017.

"Tuntutan membabitkan dana
sukuk untuk sebuah projek pem-
binaan lebuh raya di Lembah
Klang yang bernilai kira-kira

RM1.3 bilion," katanya.

Sahkan penahanan

Difahamkan, tuntutan ber-
kenaan dikemukakan bagi men-
dapatkan pembayaran tidak sah
berkaitan projek infrastruktur
terbabit.

Sementara itu, Pengarah
Kanan Bahagian Siasatan SPRM,
Datuk Zainul Darus, ketika di-
hubung mengesahkan penah-
anan itu.

Katanya, kes disiasat mengi-
kut Seksyen 18 Akta SPRM 2009
dan semua suspek akan dibawa
ke Mahkamah Majistret Putra-
jaya pagi semalam untuk permo-
honan reman.



**BERITA
HARIAN
01.05.2025
(KHAMIS)**



Padah cuba rasuah polis, pemandu lori didenda RM8,000



Chin Haur (tengah) ketika hadir di Mahkamah Sesyen Butterworth pada Rabu.

BUTTERWORTH - Seorang pemandu lori didenda RM8,000 selepas mengaku salah cuba merasuah polis ketika ditahan selepas didapati memiliki air ketum di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu.

Tertuduh, Tang Chin Haur, 45, didakwa menawarkan satu suapan wang tunai RM3,900 kepada Koperal Mohd Aliyudin Abdul Aziz sebagai dorongan tidak diambil tindakan undang-undang kerana melakukan kesalahan mengikut Seksyen 30 (3) Akta Racun 1952 iaitu memiliki cecair disyaki air ketum.

Kesalahan itu dilakukan pada 27 Jun 2021 di khemah sekatan jalan raya di Jalan Sungai Bakau di Nibong Tebal.

Berikutan itu, dia didakwa me-

lakukan kesalahan mengikut Seksyen 214 Kanun Keseksaan yang boleh dijatuhi hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Noor Azura Zulkifli di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Chin Haur dalam rayuannya memohon hukuman ringan dengan alasan menanggung ibu bapa, isteri dan seorang anak masih bersekolah.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda RM8,000 atau penjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda.

Tertuduh kemudian membayar denda berkenaan.



**SINAR
HARIAN
01.05.2025
(KHAMIS)**



Empat ditahan kemuka tuntutan palsu RM360j

Kesemua suspek termasuk seorang Datuk Seri direman sehingga Sabtu

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman empat individu termasuk seorang bergelar Datuk Seri, disyaki mengemukakan tuntutan mengandungi butiran palsu berjumlah kira-kira RM360 juta.

Menurut sumber, kesemua suspek yang terdiri daripada tiga lelaki dan seorang wanita berusia antara 50-an hingga 70-an itu ditahan antara jam 4 hingga 6 petang pada Selasa ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

"Siasatan awal mendapati kesemua suspek dipercayai melakukan perbuatan tersebut sekitar tahun 2016 hingga 2017.

"Keempat-empat suspek disyaki mengemukakan tuntutan palsu ber-



Kesemua suspek ditahan antara jam 4 hingga 6 petang pada Selasa ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

nilai kira-kira RM360 juta menggunakan dana sukuk dalam sebuah projek pembinaan lebuhraya di Lembah Klang yang bernilai kira-kira RM1.3 bilion," katanya pada Rabu.

Sinar Harian difahamkan, perintah reman selama empat hari sehingga Sabtu telah dikeluarkan ter-

Mahkamah & Jenayah

hadap kesemua suspek.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Irza Zulaikha

Burhanuddin selepas permohonan dibuat oleh SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Rabu.

Kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



**SINAR
HARIAN
01.05.2025
(KHAMIS)**



Bekas ketua pegawai eksekutif direman bantu siasatan tuntutan palsu RM360 juta

PUTRAJAYA - Seorang bekas ketua pegawai eksekutif direman tiga hari sehingga 5 Mei bagi membantu siasatan kes tuntutan mengandungi butiran matan palsu berjumlah kira-kira RM360 juta.

Perintah reman terhadap lelaki berusia lingkungan 40-an berkenaan dikeluarkan Pendaftar Mahkamah, Eleanor Mako Timothy, selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret di sini pada Sabtu.

Menurut sumber, suspek ditahan pada kira-kira jam 11 malam pada Jumaat, ketika hadir memberikan keterangan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.

"Siasatan awal mendapati suspek dipercayai terlibat mengemukakan dokumen mengandungi butiran matan palsu bagi membuat tuntutan dana kira-kira RM360 juta.

"Dana itu adalah daripada sukuk bagi

projek pembinaan lebuh raya bernilai RM1.3 bilion," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Zainul Darus ketika dihubungi mengesahkan tangkapan berkenaan.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Beliau turut memaklumkan, empat individu lain yang direman pada Rabu lalu telah dibebaskan dengan jaminan SPRM.

SPRM sebelum ini menahan reman empat individu termasuk seorang bergelar Datuk Seri kerana disyaki mengemukakan tuntutan mengandungi butiran palsu berjumlah kira-kira RM360 juta.

Menurut sumber, kesemua suspek yang terdiri daripada tiga lelaki dan seorang wanita berusia antara 50-an hingga 70-an itu ditahan antara jam 4 hingga 6 petang, ketika hadir memberikan keterangan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.



**SINAR
HARIAN
04.05.2025
(AHAD)**



Kargo KLIA disalah guna seludup bahan berbahaya, SPRM siasat cubaan rasuah

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memanggil beberapa agensi penguat kuasa bagi membantu siasatan susulan dakwaan penyeludupan bahan berbahaya melalui kargo di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki berkata, proses itu akan melibatkan siasatan aspek keselamatan penumpang dan barangan di pintu masuk lapangan terbang.

"SPRM sedang meneliti secara terperinci semua prosedur sedia ada berkaitan pengurusan keluar masuk barangan melalui pintu kargo, bagi memastikan setiap garis panduan dipatuhi dan tiada ruang ketirisan yang boleh dimanipulasi mana-mana pihak.

"Siasatan juga melibatkan usaha mengenal pasti sama ada berlaku cubaan merasuah pegawai agensi penguat kuasa di KLIA oleh pihak tertentu bagi mengelakkan tindakan undang-undang," katanya pada Sabtu.

Beliau berkata, pihaknya sudah memanggil lapan saksi termasuk wakil syarikat yang dikenal pasti mempunyai kaitan secara langsung dan tidak langsung dengan isu sedang disiasat.

"Proses ini dijalankan bertujuan mendapatkan keterangan dan melengkapi proses siasatan.

"Kemungkinan akan lebih ramai lagi akan dipanggil untuk peringkat seterusnya namun ia bergantung kepada keperluan serta maklumat yang diterima sepanjang siasatan dijalankan ketika ini," katanya.



**SINAR
HARIAN
04.05.2025
(AHAD)**



Kes tuntutan palsu RM416 juta

Bekas pegawai kanan Maju Holdings direman lima hari

Pemilik syarikat subkontraktor ditahan semula SPRM

Oleh Zaf Seraj
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Bekas pegawai kanan Maju Holdings direman berhubung dakwaan penyerahan tuntutan palsu berjumlah RM416 juta, membabitkan dana hasil terbitan sukuk bernilai RM1.3 bilion bagi projek sambungan Lebuhraya Maju (MEX II) sepanjang 18 kilometer (km).

Penolong Pendaftar, Siti Roslizawati Mohd Zanin, membenarkan perintah reman selama lima hari ke atas suspek selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuat permohonan bagi tahanan reman.

Seorang lagi individu, iaitu pemilik syarikat subkontraktor yang terbabit dalam projek MEX II yang sebelum ini ditahan dan dibebaskan, ditahan semula oleh SPRM atas dakwaan berasingan berkaitan tuntutan palsu.

Individu terbabit kini berada

**Bekas CEO direman
berkait tuntutan
palsu RM360 juta**

*Keratan
akhbar BH
semalam.*

dalam tahanan SPRM selama dua hari.

Sukuk berkenaan diterbitkan MEX II Sdn Bhd, iaitu syarikat milik penuh Maju Holdings Sdn Bhd yang memiliki Maju Expressway Sdn Bhd, pengendali lebuhraya sepanjang 26km dikenali sebagai MEX yang meng-

hubungkan Putrajaya dan Cyberjaya dengan Kuala Lumpur.

Kesalahan berniat menipu

Kedua-dua suspek disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 atas kesalahan berniat menipu dengan mengemukakan tuntutan palsu.

Projek MEX II sejauh 18km itu sepatutnya siap pada Oktober 2019, namun pada Disember tahun sama pembinaannya tergendala akibat masalah aliran tunai dan arahan henti kerja pada struktur utama.

Antara 2020 hingga 2021, kelewatan projek menjadi semakin serius, pembayaran sukuk di-

tangguhkan dan penarafan bon projek turut diturunkan.

Baru-baru ini, empat individu termasuk individu bergelar 'Datuk Seri' direman berhubung dakwaan penyerahan tuntutan palsu berjumlah RM360 juta bagi tempoh antara 2016 hingga 2017.

Sabtu lalu, seorang bekas Ketua Pegawai Eksekutif turut direman selama tiga hari.

Sebelum ini, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, memaklumkan kerajaan sedang giat berunding dengan pihak berkepentingan bagi menyelesaikan isu kelewatan berpanjangan dalam projek MEX II berkenaan.



**BERITA
HARIAN
06.05.2025
(SELASA)**



2 anggota polis direman kes rasuah RM5,000

Kuala Terengganu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua anggota polis kerana disyaki meminta dan menerima rasuah berjumlah RM5,000 sebagai balasan tidak mengambil tindakan bagi kesalahan berkaitan perjudian dan dadah.

Perintah reman selama tujuh hari sehingga 11 Mei ini terhadap kedua-dua suspek dikeluarkan Hakim, Mohd Zul Zakiquddin Zulkifli, selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Kuala Terengganu, Terengganu, pagi semalam.

Kedua-dua suspek lelaki itu ditahan di antara jam 12.30 tengah hari hingga 2 petang kelmarin, ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Terengganu.

Siasatan awal SPRM mendapati suspek pertama yang berusia 50-an dipercayai melakukan perbuatan itu pada Ogos 2024 dengan

meminta dan menerima rasuah berjumlah kira-kira RM3,000 daripada seorang individu sebagai balasan tidak mengambil tindakan ke atas kesalahan aktiviti perjudian dan juga narkotik.

Suspek kedua berusia 40-an pula dipercayai melakukan perbuatan itu pada Disember 2022 hingga Mei 2023 dengan meminta dan menerima rasuah berjumlah kira-kira RM2,000 daripada seorang individu sebagai balasan tidak mengambil tindakan ke atas kesalahan narkotik.

Kedua-dua suspek disyaki menerima suapan secara tunai dan juga melalui transaksi pindahan ke akaun bank milik masing-masing.

Pengarah SPRM Terengganu, Hazrul Shazreen Abd Yazid ketika dihubungi mengesahkan penahanan kedua-dua suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



Dua anggota polis dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Terengganu untuk mendapatkan perintah reman, semalam. (Foto Nazdy Harun/BH)



**BERITA
HARIAN
06.05.2025
(SELASA)**



Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Dah nak pence**n** buat hal!

Anggota polis tunggu masa bersara direman SPRM Terengganu babit kes rasuah

Dua anggota polis dengan seorang daripadanya menunggu masa untuk pence, direman tujuh hari oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu bagi membantu siasatan meminta dan menerima rasuah RM5,000, sebagai balasan tidak mengambil tindakan kesalahan judi serta narkotik.

Menurut sumber, individu pertama yang berusia 50-an meminta dan menerima rasuah RM3,000 daripada seorang individu sebagai balasan tidak mengambil tindakan atas kesalahan judi serta narkotik, pada Ogos 2024.

"Individu kedua pula yang berusia 40-an melakukan perbuatan itu pada Disember 2022 hingga Mei 2023 dengan meminta dan menerima rasuah RM2,000 daripada seorang individu sebagai balasan tidak mengambil tindakan ke atas kesalahan narkotik," katanya, semalam.



DUA anggota polis dibawa ke Mahkamah Kuala Terengganu, untuk mendapatkan perintah reman oleh SPRM.

Terdahulu, perintah reman sehingga 11 Mei ini terhadap kedua-dua anggota polis itu dikeluarkan Hakim Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Kuala Terengganu, Terengganu, pagi semalam.

Menurut sumber, kedua-duanya ditahan jam 12.30 tengah hari hingga jam 2 petang kelmarin, ketika memberi keterangan di pejabat SPRM Terengganu.

"Kedua-duanya disyaki menerima suapan secara tunai dan melalui pindahan ke akaun bank," katanya lagi.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu Hazrul Shazreen Abd Yazid ketika dihubungi mengesahkan penahanan kedua-dua suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



**HARIAN
METRO
06.05.2025
(SELASA)**



Datuk ditahan semula kemuka tuntutan palsu RM450 juta

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman dua individu termasuk seorang bergelar Datuk disyaki mengemukakan tuntutan mengandungi butir matan palsu kira-kira RM450 juta.

Menurut sumber, kedua-dua lelaki itu ditahan kira-kira jam 7 malam Ahad ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Kata sumber lagi, siasatan awal mendapati kedua-dua suspek dipercayai mengemukakan tuntutan palsu bernilai kira-kira RM450 juta yang menggunakan dana sukuk dan mendapatkan fasiliti dari sebuah pejabat wilayah bagi projek pembinaan lebuh raya di Lembah Klang yang bernilai kira-kira RM1.3 bilion.

"Tangkapan ini adalah susulan daripada tangkapan sebelum ini yang melibatkan tuntutan butir matan palsu

bernilai kira-kira RM360 juta dan jumlah keseluruhan tuntutan palsu ini bernilai RM800 juta," katanya pada Isnin.

Menurutnya, suspek bergelar Datuk itu sebelum ini pernah direman selama empat hari sehingga 3 Mei lalu membabitkan kes tuntutan palsu RM360 juta.

Bagaimanapun katanya, Datuk itu ditahan sekali lagi bagi membantu siasatan kes tuntutan palsu yang kali ini melibatkan jumlah kira-kira RM450 juta.

Perintah reman telah dikeluarkan Pendaftar, Siti Roslizawati Mohd Zanin selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Isnin.

Minggu lalu, seramai lima individu ditahan berkaitan kes ini dan empat daripadanya sudah dibebaskan dengan jaminan SPRM.



**SINAR
HARIAN
06.05.2025
(SELASA)**



Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@mediapri-
ma.com.my

KEMUKA BUTIR MATAN PALSU RM450 JUTA

Kuala Lumpur

2 termasuk Datuk ditahan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman dua individu termasuk seorang bergelar Datuk kerana disyaki mengemukakan tuntutan yang mengandungi butir matan palsu kira-kira RM450 juta.

Perintah reman selama dua hari terhadap suspek yang bergelar Datuk berusia sekitar 60-an manakala reman selama lima hari sehingga 9 Mei terhadap seorang lagi suspek yang berusia sekitar 50-an, dikeluarkan Pendaftar Siti Roslizawati Mohd Zanin selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya kelmarin.

Menurut sumber, kedua-dua suspek lelaki itu ditahan kira-kira jam 7 malam kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.

"Siasatan awal mendapati kedua-dua suspek dipercayai mengemukakan tuntutan palsu bernilai kira-kira RM450 ju-

ta yang menggunakan dana sukuk dan mendapatkan fasiliti dari sebuah pejabat wilayah dalam sebuah projek pembinaan lebuh raya di Lembah Klang yang bernilai kira-kira RM1.3 bilion.

"Tangkapan ini susulan daripada tangkapan sebelum ini yang membabitkan tuntutan butir matan palsu bernilai kira-kira RM360 juta dan jumlah keseluruhan tuntutan palsu ini bernilai kira-kira RM800 juta," katanya.

Suspek yang bergelar Datuk sebelum ini pernah ditahan reman empat hari pada 30 April hingga 3 Mei lalu, membabitkan kes tuntutan palsu kira-kira RM360 juta.

Bagaimanapun, beliau ditahan sekali lagi bagi membantu siasatan kes tuntutan palsu yang kali ini

membabitkan jumlah kira-kira RM450 juta.

Suspek yang bergelar Datuk sebelum ini pernah ditahan reman empat hari

Minggu lalu, seramai lima individu ditahan



PEGAWAI SPRM mengiringi suspek di Mahkamah Majistret Putrajaya kelmarin.

reman berkaitan kes ini dan empat daripadanya dibebaskan dengan jaminan

SPRM. Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan,

Datuk Zainul Darus ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu dan berkata

kes itu disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



**HARIAN
METRO
07.05.2025
(RABU)**





SUSUPEK didakwa Mahkamah Majistret Shah Alam. - Gambar NSTP/NORZAMIRA CHE NOH

Pegawai kanan disyaki makan suap RM5k direman 5 hari

Shah Alam: Pegawai kanan sebuah agensi kerajaan direman lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan selepas disyaki meminta dan menerima suapan RM5,000 daripada seorang kontraktor berhubung perakuan kerja-kerja pembekalan di agensi terbabit.

Perintah reman sehingga Sabtu ini dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar Aina Syakinah Aminuddin

selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Menurut sumber, lelaki berusia 45 tahun itu ditahan menerusi Op Perangkap jam 11.30 malam kelmarin di sebuah restoran di Puchong.

Katanya, wang terbabit dipercayai sebagai suapan bagi memperakukan pembekalan alatan untuk lati-

han di agensi itu.

"Projek pembekalan kayu bermasak itu bernilai RM50,000. Suspek ditahan ketika menerima wang berkenaan daripada kontraktor malam tadi (kelmarin)," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor Hairuzam Mohmad Amin@Hamim mengesahkan penahanan suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



**HARIAN
METRO
07.05.2025
(RABU)**





Dua kakitangan PBT dibawa ke Mahkamah Georgetown. (Foto ihsan SPRM)

Kakitangan PBT direman terima rasuah sejak 2016

Georgetown: Dua kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pemilik syarikat ditahan selepas disyaki terbabit aktiviti rasuah membabitkan tender projek pemasangan lampu isyarat dan lampu jalan di Pulau Pinang sejak 2016.

Kedua-dua kakitangan PBT itu disyaki menerima suapan RM3,000 hingga RM5,000 sejak 2016 dan direman empat hari sehingga esok, manakala pemilik syarikat direman dua hari berakhir semalam selepas permohonan dibuat SPRM, di sini kelmarin.

Menurut sumber, dua kakitangan PBT berkenaan masing-masing membabitkan lelaki dan wanita serta pengarah syarikat lelaki berusia 30 hingga 40-an ditahan ketika hadir memberi keterangan antara jam 1 tengah hari hingga 4 petang di Pejabat SPRM Pulau Pinang, kelmarin.

"Siasatan awal mendapati beberapa pemilik syarikat memberi rasuah kepada beberapa penjawat awam di sebuah ma-

jlis perbandaran sebagai balasan mendapatkan tender projek lampu isyarat dan lampu jalan dengan mengemukakan permohonan mengandungi butiran palsu.

"Kedua-dua penjawat awam berkenaan dipercayai menerima suapan kira-kira RM3,000 sehingga RM5,000 sejak 2016 tanpa perlu membuat semakan terhadap dokumen yang dihantar pemilik syarikat terbabit," katanya, semalam.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Idris Zaharudin, berkata kes disiasat mengikut Seksyen 16(b)(B) Akta SPRM 2009.

Beliau berkata, operasi dijalankan SPRM bertujuan membanteras keglatan rasuah yang berlaku dalam agensi kerajaan, khususnya PBT bagi mengelakkan syarikat yang tidak memenuhi syarat kelayakan terpilih mendapat tender sehingga dikhuatiri menyebabkan projek kemudahan awam tergendala.



**BERITA
HARIAN
08.05.2025
(KHAMIS)**



Ismail Sabri sambung beri keterangan kepada SPRM

PUTRAJAYA - Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob tiba di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini pada Rabu, untuk menyambung proses memberi keterangan bagi membantu siasatan kes rasuah dan pengubahan wang haram dikaitkan dengan beliau.

Kenderaan membawa Perdana Menteri kesembilan itu tiba pada 10.54 pagi.

Ahli Parlimen Bera itu disiasat berkaitan kes rasuah dan pengubahan wang haram berhubung perbelanjaan dan perolehan dana untuk promosi serta publisiti program Keluarga Malaysia semasa tempoh perkhidmatan beliau sebagai Perdana Menteri dari Ogos 2021 hingga November 2022.

Kes disiasat mengikut Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Sebelum ini, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, siasatan SPRM berhubung kes rasuah melibatkan Ismail Sabri, kini mencapai tahap antara 15 hingga 20 peratus.

- Bernama



**SINAR
HARIAN
08.05.2025
(KHAMIS)**



Penjawat awam, pegawai PBT direman bantu siasatan kes rasuah

GEORGE TOWN - Dua penjawat awam pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini dan seorang pemilik syarikat direman empat hari bagi membantu siasatan kes rasuah melibatkan projek pemasangan lampu isyarat dan lampu jalan sejak 2016.

Perintah tahanan reman terhadap kesemua suspek dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Georgetown selepas permohonan dibuat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Selasa.

Pegawai Pendaftar Mahkamah Majistret, Muhammad Azam Md Eusoff membenarkan reman selama empat hari sehingga 9 Mei terhadap dua penjawat awam, masing-masing seorang lelaki dan seorang wanita.

Sementara itu, pemilik syarikat lelaki direman selama dua hari sehingga 7 Mei.

Menurut sumber SPRM, siasatan awal mendapati beberapa pemilik syarikat disyaki memberi rasuah kepada penjawat awam PBT tersebut sebagai balasan mendapatkan tender projek pemasangan lampu isyarat dan lampu jalan.



Dua penjawat awam PBT dan seorang pemilik syarikat direman empat hari.

"Pemilik syarikat terlibat mengemukakan permohonan tender mengandungi butiran matan palsu. Kedua-dua penjawat awam itu dipercayai menerima suapan antara RM3,000 hingga RM5,000 sejak 2016," katanya.

Pengarah Kanan Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Idris Zaharudin mengesahkan tangkapan terhadap ketiga-tiga suspek.

Sementara itu, dua pegawai PBT



Dua pegawai PBT direman tiga hari berhubung kes rasuah.

direman tiga hari bagi membantu siasatan berhubung rasuah melibatkan wang berjumlah RM54,000.

Perintah reman itu dikeluarkan Hakim, Juraidah Abbas di Mahkamah Sesyen Jenayah 1, di sini pada Rabu.

Kedua-dua suspek didakwa menerima wang tersebut daripada seorang penjaja sebagai balasan untuk membuat permohonan lesen penjaja sementara sempena Tahun Baharu Cina pada tahun lalu.



**SINAR
HARIAN
08.05.2025
(KHAMIS)**



Sinar Harian - 9/5/25 - Jumaat

2 pegawai KDN ditahan kes rasuah percepat urusan warganegara

PUTRAJAYA – Dua pegawai Kementerian Dalam Negeri (KDN) serta seorang individu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam satu operasi khas pada Rabu.

Ketiga-tiga individu terbabit ditahan bagi membantu siasatan berhubung siasatan kes rasuah melibatkan urusan mempercepatkan permohonan pengesahan taraf warganegara (PTW).

Bahagian Komunikasi Strategik SPRM menerusi kenyataan memaklumkan, operasi itu dijalankan antara jam 1 petang

hingga 5 petang sebagai lanjutan daripada Op Outlander yang dilaksanakan baru-baru ini.

“Kesemua yang ditahan sedang dirakam keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya untuk siasatan lanjut,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Tambah kenyataan itu, pihak KDN telah memberikan kerjasama penuh kepada SPRM dalam menjalankan siasatan.

Kes disiasat mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.



**SINAR
HARIAN
09.05.2025
(JUMAAT)**



Kes pengubahan wang haram berkait Sapura Energy

SPRM rakam percakapan individu bergelar Tan Sri

Siasatan fokus salah guna kuasa babit ganjaran bonus, syer antara 2012 hingga 2021

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tokoh perniagaan bergelar Tan Sri disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kes pengubahan wang haram yang dikaitkan dengan Sapura Energy Bhd (SEB).

BH difahamkan, individu ber-

kenaan sudah hadir ke Ibu Pejabat SPRM untuk dirakam percakapan selama dua hari berturut-turut.

Bagaimanapun, sumber SPRM mengesahkan, tiada tangkapan dibuat setakat ini.

"Fokus siasatan menjurus kepada kesalahan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009 iaitu salah guna kuasa dalam isu membabitkan ganjaran yang meliputi gaji, bonus dan syer, selain 'branding fee' (yuran penjenamaan) dan amalan 'private placement' (penyenaraian persendirian) antara 2012 hingga 2021.

"Siasatan juga sedang mengenal pasti kesalahan pecah amanah, salah guna dana dan pemalsuan di bawah Kanun Keseksaan," kata sumber itu, di sini semalam.

SPRM buka dua kertas siasatan kes rasuah babit Sapura Energy



Keratan akhbar BH 16 Mac lalu.

Geledah beberapa lokasi

BH turut difahamkan, SPRM menggeledah beberapa lokasi termasuk di pejabat di Seri Kemangan dan sebuah menara di ibu negara, selain kediaman Tan Sri berkenaan.

SPRM juga sudah membekukan 83 akaun bank milik lima individu dan 15 syarikat membabitkan nilai kira-kira

RM158.26 juta susulan siasatan sama.

Sebelum ini media melaporkan SPRM membuka dua kertas siasatan selepas menerima maklumat berhubung pembayaran rasuah dan penyelewengan membabitkan syarikat penyedia penyelesaian minyak dan gas, Sapura Energy Berhad.

Menurut sumber, ia berdasarkan siasatan awal dibuka SPRM pada penghujung 2023 yang turut membabitkan tuntutan dibuat syarikat berkenaan.

Dua kertas siasatan ini dibuka menjurus kepada kegiatan pengubahan wang haram dan penyelewengan membabitkan tuntutan sekitar 2018, ketika syarikat itu dikenali sebagai Sapura Kencana Petroleum Berhad.



**BERITA
HARIAN
09.05.2025
(JUMAAT)**





**BERITA
HARIAN
09.05.2025
(JUMAAT)**

Kes rasuah mempercepat permohonan taraf warganegara

Dua pegawai KDN antara 3 ditahan

Penjawat awam
terbabit bantu
permohonan
pendaftaran
lewat kelahiran

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua pegawai Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan seorang lelaki tempatan kerana disyaki terbabit kes rasuah mem-

percepatkan permohonan taraf warganegara.

SPRM memaklumkan, ketiga-tiga individu itu ditahan antara jam 1 tengah hari hingga 5 petang di Putrajaya, kelmarin.

"Operasi ini adalah lanjutan daripada Ops Outlander yang dijalankan oleh SPRM baru-baru ini.

"KDN memberikan kerjasama penuh kepada SPRM dalam melaksanakan siasatan kes ini," katanya menerusi kenyataan semalam.

Sebelum ini tular di media sosial mendakwa beberapa individu dikaitkan dengan KDN ditahan SPRM di kediaman masing-masing kelmarin.

Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan identiti individu yang ditahan badan pencegah rasuah itu.

Ambil keterangan

Mengulas lanjut, SPRM berkata, ketiga-tiga individu itu kini sedang diambil keterangan untuk siasatan lanjut.

Media sebelum ini melaporkan, penjawat awam yang bersekongkol dengan sindiket pendaftaran lewat kelahiran yang ditahan dalam Ops Outlander, dipercayai menerima bayaran RM10,000 hingga RM15,000 bagi setiap sijil kelahiran yang dikeluarkan.

Sumber SPRM dilaporkan ber-

kata, penjawat awam berkenaan berperanan membantu proses permohonan pendaftaran lewat kelahiran melebihi tempoh 60 hari selepas tarikh kelahiran.

Susulan Ops Outlander pada Mac lalu, SPRM membekukan 11 akaun bank bernilai RM100,000 dan menyita sejumlah 30 dokumen berkaitan siasatan terhadap sindiket berkenaan.

Seorang doktor yang ditahan dalam operasi berkenaan dipercayai berperanan menguruskan dokumen penyambut kelahiran.

Pada 11 Mac lalu, SPRM menahan 16 individu termasuk seorang pengamal perubatan bergejar Datuk Seri kerana disyaki terbabit kes rasuah membabit-

kan pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara dan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, dilaporkan berkata semua suspek berusia 20 hingga 70-an ditahan dalam serbuan di beberapa premis termasuk klinik dan firma guaman di sekitar Lembah Klang dan Johor.

Serbuan berkenaan dijalankan selepas risikan selama kira-kira setahun melalui kerjasama dan perkongsian maklumat antara SPRM dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Pengurus pelabuhan didakwa perdaya pemegang saham

Kuala Lumpur: Seorang pengurus pelabuhan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki memperdayakan pemegang saham sebuah syarikat, membabitkan kerugian kira-kira RM1 juta.

Menurut sumber, wanita berusia lingkungan 40-an itu dipercayai memperdayakan pemegang saham berkaitan kerja-kerja pengorekan lumpur di Pelabuhan Bagin Datoh, Perak bagi mendapatkan tuntutan bayaran melebihi nilai sebenar daripada sebuah syarikat lain.

"Suspek ditahan ki-

ra-kira jam 6.15 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM, di sini.

"Perintah reman selama empat hari sehingga 11 Mei dikeluarkan oleh Majistret Afiq Fakrul Ismail pagi ini selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM Datuk Zainul Darus ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu dan memaklumkan kes terbabit disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009. - Bernama



SEORANG Pengurus Pelabuhan di Perak direman empat hari di Mahkamah Majistret Putrajaya. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH



**HARIAN
METRO
10.05.2025
(SABTU)**



SPRM nafi tuduhan tekan saksi ketika siasatan kes

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyifatkan rakaman video yang tular di aplikasi TikTok mendakwa pegawai kanan SPRM menekan Datin Seri Pamela Ling Yueh menyelesaikan isu perceraian dengan suaminya ketika disiasat, sebagai tohmahan tidak berasas.

SPRM berkata, hasil siasatan dalaman mendapati pegawai terbabit tidak terbabit langsung dalam siasatan kes Pamela dan tidak pernah berjumpa dengan wanita itu.

"Pegawai berkenaan membuat laporan polis dan aduan rasmi kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berhubung kandungan video itu yang disifatkan sebagai fitnah dan berniat jahat.

"Beliau (pegawai kanan

SPRM) juga menafikan segala tuduhan dan menyerahkan perkara ini kepada pihak berkuasa untuk siasatan lanjut terhadap penyebar kandungan fitnah itu," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Berikutan itu, SPRM menasihatkan orang ramai tidak menyebarkan maklumat tidak sahih yang boleh mengelirukan masyarakat dan mengganggu siasatan kes orang hilang yang sedang dijalankan pihak polis.

Pamela dilaporkan hilang ketika dalam perjalanan untuk memberikan keterangan kepada SPRM sekitar jam 1.30 tengah hari hingga 2.10 petang pada 9 April lalu.

SPRM dalam satu kenyataan mengesahkan, Pamela dipanggil hadir ke ibu pejabatnya pada tarikh berkenaan, namun tidak muncul seperti dijadualkan.



**BERITA
HARIAN
10.05.2025
(SABTU)**





Ketua koordinator eksekutif syarikat dibawa ke Mahkamah Sesyen Putrajaya, pagi semalam.

Ketua koordinator eksekutif direman guna dokumen palsu projek PPAM

Kuala Lumpur: Ketua koordinator eksekutif syarikat ditahan reman selama tiga hari bagi membantu siasatan berhubung kes penggunaan dokumen palsu dalam projek Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) di Muallim, Perak.

Majistret Datin M Kunasundary membenarkan perintah reman sehingga esok Mei selepas permohonan dikemukakan Su-

ruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), di Mahkamah Sesyen Putrajaya, pagi semalam.

Menurut sumber, lelaki berusia lingkungan 60-an itu ditahan kira-kira jam 4 petang kelmarin ketika hadir untuk memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.

"Suspek dipercayai melakukan perbuatan itu dengan mengeli-

rukan bank MBSB supaya mengeluarkan kira-kira RM1.6 juta daripada jumlah pembiayaan berjumlah RM70 juta," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Zainul Darus, ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek.

Beliau berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



**BERITA
HARIAN
10.05.2025
(SABTU)**



Beberapa peneroka bantu siasatan kes percerobohan tanah di Raub

SPRM dalam proses dapatkan dokumen penting untuk diteliti

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah mengenal pasti beberapa individu peneroka bagi membantu siasatan berhubung pencerobohan tanah yang dijadikan kebun durian di Raub, Pahang.

Bahagian Komunikasi Strategik SPRM memaklumkan, pihaknya kini juga dalam proses mendapatkan beberapa dokumen penting untuk diteliti sebagai sebahagian daripada proses siasatan.

"Dokumen ini diperlukan bagi tujuan mengenal pasti serta merekod keterangan saksi yang berkaitan," katanya menerusi kenyataan.

Pada 29 April lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki memaklumkan pihaknya sudah mengenal pasti senarai individu yang akan dipanggil bagi membantu siasatan berhubung isu pencerobohan tanah berkenaan.

Katanya, senarai berkenaan turut merangkumi pegawai kerajaan yang telah bersara.

Khamis lalu, Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah R'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan rasa terkejut selepas dimaklumkan bahawa kira-kira 10,521 hektar tanah di daerah Raub diceroboh secara haram sejak beberapa dekad lalu.

Baginda menyatakan rasa ter-



Pokok durian yang ditebang di kawasan tanah yang diceroboh di Raub.

(Foto BERNAMA)

kejut dengan skala pencerobohan yang begitu besar, iaitu bersamaan kira-kira 14,700 padang bola sepak.

Sebelum itu, Ops Sekat 3.0 dilancarkan di kawasan hutan simpan kekal serta tanah kerajaan negeri di Batu 3, Sungai Ruan, Raub.

Operasi bersepadu itu disertai pegawai dan anggota Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP), Pejabat Tanah Daerah Raub, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JENP), Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Raub.

Pengubahan wang haram

Dalam perkembangan lain, Bahagian Komunikasi Strategik SPRM dalam kenyataan memaklumkan, tokoh korporat bergejar Tan Sri yang disiasat SPRM berhubung dakwaan pengubahan wang haram membabitkan pemilikan saham Sapura Energy Berhad (SEB) bernilai lebih RM500 juta, mungkin dipanggil semula bagi membantu siasatan.

Setakat ini, tiada sebarang tangkapan dilakukan terhadap mana-mana individu.

Katanya, siasatan masih dijalankan dan orang ramai diminta

tidak membuat sebarang spekulasi bagi memastikan proses siasatan berjalan lancar tanpa gangguan.

"SPRM belum melakukan sebarang tangkapan, namun tidak menolak kemungkinan untuk memanggil semula Tan Sri terbabit, termasuk ahli keluarga serta bekas ahli lembaga pengarah SEB untuk dirakam percakapan.

"Kes ini dilihat sebagai satu ujian kepada integriti tadbir urus korporat serta ketelusan dalam pengurusan dana awam oleh syarikat tersenarai di Malaysia," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan SPRM membuka kertas siasatan terhadap tokoh korporat itu yang dipanggil ke Ibu Pejabat SPRM pada 5 dan 6 Mei lalu untuk dirakam percakapan.

Media turut melaporkan SPRM membuka dua kertas siasatan selepas menerima maklumat berhubung pembayaran rasuah dan penyelewengan membabitkan syarikat penyedia penyelesaian minyak dan gas, SEB.

Menurut sumber, ia berdasarkan siasatan awal dibuka SPRM pada penghujung 2023 yang turut membabitkan tuntutan dibuat syarikat berkenaan.

Dua kertas siasatan itu dibuka menjerus kepada kegiatan pengubahan wang haram dan penyelewengan membabitkan tuntutan sekitar 2018, ketika syarikat itu dikenali sebagai Sapura Kencana Petroleum Berhad.

Dalam pada itu BH difahamkan, SPRM turut menggeledah beberapa lokasi termasuk di pejabat di Seri Kembangan dan sebuah menara di Ibu negara, selain kediaman Tan Sri berkenaan.

SPRM juga sudah membekukan 83 akaun bank milik lima individu dan 15 syarikat membabitkan nilai kira-kira RM158.26 juta susulan siasatan sama.

SEB mula mengalami masalah kewangan sekitar pertengahan 2010-an apabila harga minyak jatuh menyebabkan syarikat itu mula mencatatkan kerugian besar dan bebanan hutang. Menjelang 2019, masalah kewangan syarikat semakin memburuk, sehingga ia mula mencatatkan kerugian setiap tahun.

Kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.



**BERITA
HARIAN
11.05.2025
(AHAD)**



SPRM kenal pasti peneroka ceroboh tanah

Kini dalam proses dokumentasi untuk rekod keterangan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SHAH ALAM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam proses mendapatkan dokumen berkaitan pencerobohan tanah yang dijadikan kebun durian di Raub, Pahang.

Bahagian Komunikasi Strategik SPRM berkata, dokumen itu bertujuan bagi mengenal pasti dan merekod keterangan saksi-saksi terbabit.

"SPRM juga telah mengenal pasti peneroka-peneroka berkenaan," katanya pada Sabtu.

Pada 29 April lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki



Al-Sultan Abdullah berkenan berangkat meninjau operasi harian di Pejabat Daerah dan Tanah Raub pada Khamis lalu.

dilaporkan berkata, pihaknya sudah mempunyai senarai individu yang akan dipanggil bagi membantu siasatan berhubung pencerobohan tanah terbabit.

Katanya, senarai itu turut meliputi pegawai kerajaan yang telah pencen.

Khamis lalu, Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah meluahkan rasa terkejut selepas dimaklumkan kira-kira

10,521 hektar tanah di daerah Raub telah diceroboh secara haram sejak beberapa dekad lalu.

Baginda terkejut dengan skala pencerobohan begitu besar bersamaan kira-kira 14,700 padang bola sepak.

Sebelum itu Op Sekat 3.0 dilaksanakan di hutan simpan kekal dan tanah kerajaan negeri di Batu 3, Sungai Ruan, Raub.



**SINAR
HARIAN
11.05.2025
(AHAD)**



SPRM tahan reman
pengarah syarikat disyaki
terlibat kes percepat
urusan permohonan
warganegara

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman seorang pengarah syarikat kerana dipercayai terbabit rasuah bagi mempercepatkan urusan permohonan warga asing untuk mendapatkan taraf warganegara Malaysia.

Menurut sumber, suspek ditahan kira-kira jam 4.55 petang Jumaat ketika hadir di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya bagi dirakamkan keterangan.

"Suspek disyaki bersekongkol bersama beberapa individu lain yang bertindak memberi rasuah RM1,000 sehingga RM30,000 bagi setiap permohonan mendapatkan taraf kewarganegaraan kepada seorang pegawai sebuah jabatan sejak tahun 2023.

"Bayaran rasuah ini bagi mempermudah permohonan warga asing bagi mendapatkan taraf warganegara Malaysia

Sekongkol rasuah RM1,000 sehingga RM30,000

tanpa perlu mengikuti prosedur yang sepatutnya," katanya pada Sabtu.

Suspek lelaki yang berusia lingkungan 50-an itu direman selama tiga hari sehingga Ahad.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Datin Kunasundary Marimuthu selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Sabtu.

Dalam pada itu, SPRM tidak menolak kemungkinan akan memanggil lebih ramai individu bagi membantu siasatan kes itu.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Idris Zaharudin ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap suspek dan menyatakan kes disiasat di bawah Seksyen 17 Akta SPRM 2009.

Tangkapan itu susulan Op Fastlane 1.0 dan Op Outlander yang dijalankan Bahagian Perisikan SPRM bermula 11 Mac lalu, melibatkan sindiket merasuah pegawai kerajaan bagi mempercepat proses permohonan taraf kewarganegaraan.



Suspek ditahan kira-kira jam 4.55 petang Jumaat ketika hadir di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya bagi dirakamkan keterangan.



**SINAR
HARIAN
11.05.2025
(AHAD)**



17 PERTUDUHAN PECAH AMANAH RM860,000

Ramasamy mohon dibicarakan

Oleh Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my

Butterworth

Bekas Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang P. Ramasamy mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam terhadap 17 pertuduhan pecah amanah membabitkan wang berjumlah hampir RM860,000.

Ramasamy, 76, mohon kesnya dibicarakan selepas kesemua pertuduhan itu dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Mengikut pertuduhan pertama hingga 13, tertuduh yang ketika itu sebagai Pengerusi Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (LWHPP) didakwa melakukan pecah amanah jenayah apabila secara tidak jujur menyalahgunakan harta institusi berkenaan.

Ia adalah dengan cara



RAMASAMY berdepan dengan 17 pertuduhan pecah amanah di Mahkamah Butterworth. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

membuat bayaran berjumlah RM779,131.29 melalui cek dan pindahan telegraf untuk pembelian pedati emas tanpa mendapat kelulusan mesyuarat LWHPP terlebih dahulu.

Bagi pertuduhan ke-14 dan ke-15, tertuduh didakwa melakukan kesalahan sama membabitkan bayaran perbelanjaan perubahan menerusi dua cek berjumlah RM65,000.

Dua lagi pertuduhan terakhir, Ramasamy didakwa melakukan pecah amanah membabitkan pembayaran bagi bantuan kewangan pendidikan menerusi dua cek sebanyak RM15,000.

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukan di dua bank di Kompleks Tun Abdul Razak (Korntar) dan Prangin Mall, Georgetown antara 2 Mei 2019 hingga 18 April 2023.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang

memperuntukkan hukuman penjara antara dua hingga 20 tahun, sebatan dan denda, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Noor Azura Zulkiflee dan Nurnajihatul Idayu Mohd Azuya.

Tertuduh pula diwakili Dr Shamser Singh Thind, Eng Yuh Pei dan Archana Chandrasekaran.

Hakim kemudiannya membenarkan Ramasamy diikat jamin sebanyak RM78,000 untuk kesemua pertuduhan dihadapinya, selain diminta mengikuti semua syarat tambahan yang ditetapkan iaitu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM terdekat pada setiap bulan.

Mahkamah turut menetapkan kes berkenaan akan disebut semula pada 16 Julai depan.



**HARIAN
METRO
15.05.2025
(KHAMIS)**



Ditahan SPRM buat tuntutan palsu RM2.5 juta

Putrajaya: Bekas pengarah eksekutif sebuah syarikat antara tiga individu ditahan kerana disyaki bersubahat membuat tuntutan butir matan palsu berjumlah RM2.5 juta.

Menurut sumber, ketiga-tiga suspek ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), di sini, antara jam 4 hingga 7 petang kelmarin.

"SPRM menahan reman tiga individu termasuk seorang bekas pengarah eksekutif disyaki bersubahat menggunakan dokumen mengandungi butir matan palsu melibatkan tuntutan kira-kira RM2.5 juta.

"Kesemua suspek dipercayai melakukan perbuatan itu antara 2022 hingga 2024 yang melibatkan tuntutan bayaran balik dan bayaran bonus," katanya.

Menurutnya, suspek yang terdiri daripada seorang lelaki dua wanita berusia 20-an hingga 40-an direman lima hari bermula

la semalam bagi membantu siasatan.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM, Norhaizam Muhammad ketika dihubungi mengesahkan tangkapan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

"SPRM menahan reman tiga individu termasuk seorang bekas pengarah eksekutif disyaki bersubahat menggunakan dokumen mengandungi butir matan palsu melibatkan tuntutan RM2.5 juta"



**HARIAN
METRO
15.05.2025
(KHAMIS)**



Tiga pegawai bank antara 6 kena reman

Suspek disyaki terbahit ubah wang haram, rasuah kait permohonan pinjaman lebih RM21 juta

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Enam individu termasuk tiga pegawai bank ditahan reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terbahit dalam dua kes pengubahan wang haram bernilai jutaan ringgit semalam.

Dalam kes pertama, SPRM menahan reman tiga individu termasuk seorang bekas pengarah eksekutif yang disyaki bersubahat menggunakan dokumen mengandungi maklumat palsu

membabitkan tuntutan kira-kira RM2.5 juta.

Majistret, Mohd Dinie Shazwan Ab Shukor, mengeluarkan perintah reman selama lima hari sehingga 18 Mei 2025 terhadap seorang suspek lelaki dan dua suspek wanita berusia di antara 30 hingga 40-an selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Sesyen Putrajaya, pagi semalam.

Menurut sumber, kesemua suspek ditahan kira-kira antara jam 4 petang dan 7 malam kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.

"Kesemua suspek dipercayai melakukan perbuatan itu antara tahun 2022 hingga 2024 yang melibatkan tuntutan bayaran balik dan bayaran bonus berjumlah kira-kira RM2.5 juta," katanya.

Reman lima hari

Dalam kes kedua, SPRM menahan tiga pegawai membabitkan dua bank di ibu kota terdiri daripada pengurus perniagaan, ke-

tua jabatan dan pengurus cawangan kerana disyaki terlibat pengubahan wang haram serta rasuah membabitkan permohonan pinjaman lebih RM21 juta.

Perintah reman selama lima hari sehingga 18 Mei 2025 terhadap kesemua suspek lelaki berusia antara 30 hingga 40-an dikeluarkan majistret sama pagi semalam.

"Ketiga-tiga suspek disyaki secara bersama telah memiliki, mengubah, memindah dan menggunakan wang hasil bayaran rasuah yang diterima daripada tiga syarikat sekitar 2024.

"Berdasarkan siasatan awal, suspek berjawatan ketua jabatan itu dipercayai meminta dan menerima wang rasuah lebih RM170,000 daripada tiga syarikat yang membuat lima pinjaman keseluruhannya berjumlah lebih RM21 juta.

"Wang rasuah ini sebagai balasan kerana memproses dan meluluskan pinjaman-pinjaman yang dibuat syarikat berkenaan," kata sumber.



Tiga pegawai bank dibawa ke Mahkamah Sesyen Putrajaya, semalam.

(Foto lisan SPRM)

Ketiga-tiga suspek telah ditahan sekitar jam 4 hingga 5 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Kelmarin, *BH* melaporkan, SPRM membekukan empat akaun perbankan milik individu membabitkan nilai kira-kira RM268,000 serta menyita tiga unit peranti telekomunikasi dan sebuah komputer riba.

Pengarah Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM, Norhaizam Muhammad, dihubungi mengesahkan tangkapan semua suspek bagi dua kes itu yang kini disiasat mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA-TFPUAA) 2001.



**BERITA
HARIAN
15.05.2025
(KHAMIS)**



Kena denda RM20,000 tak lapor rasuah

Melaka: Mahkamah Sesyen, di sini semalam menjatuhkan hukuman denda RM20,000 terhadap pengarah syarikat selepas mengaku salah pertuduhan pilihan gagal melaporkan pemberi-an rasuah RM3,000 oleh seorang kontraktor berkaitan projek pembinaan rumah, tahun lalu.

Hakim Elesabet Paya Wan menjatuhkan hukuman itu terhadap Azrul Rizad Othman, 47, yang menukar pengakuannya kepada bersalah atas pertuduhan pilihan kedua.

Dalam penghakimannya, Elesabet menimbangkan fakta kes, rayuan tertuduh dan hujah pendakwaan serta pembelaan.

Beliau turut memerintahkan tertuduh di penjara enam bulan jika gagal membayar denda itu. Tertuduh membayar denda berkenaan.

Mengikut pertuduhan Azrul Rizad didakwa diberikan wang suapan berjumlah RM3,000 oleh seorang kontraktor projek dan gagal melaporkannya kepada pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau pegawai polis yang paling hampir.



**BERITA
HARIAN
20.05.2025
(SELASA)**



Pegawai polis didakwa terima suapan ubah suai rumah, deposit motosikal berkuasa tinggi

KOTA BHARU - Seorang pegawai kanan polis mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas dua pertuduhan menerima rasuah ubah suai rumah dan deposit motosikal berkuasa tinggi berjumlah RM13,500 semasa bertugas sebagai Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Machang pada 2018.

Tertuduh, Asisten Superintenden Mohd Firdaus Mohamad, 40, yang kini bertugas di Jabatan Keselamatan dan Ketenteraman Awam Dalam Negeri, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa menerima bayaran pengubahsuaian rumah bernilai RM9,000 secara percuma tanpa balasan daripada seorang kontraktor berusia 38 tahun di Kampung Pak Elong Telong, Bachok antara

Januari hingga Jun 2018.

Pertuduhan kedua melibatkan penerimaan wang berjumlah RM4,500 sebagai bayaran pendahuluan bagi pembelian motosikal berkuasa tinggi jenis Kawasaki Versys yang diterima daripada individu sama di IPD Machang pada Januari 2018.

Kedua-dua pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kelantan, Tengku Nurul Haziqah Tuan Yacob manakala tertuduh diwakili peguam Azura Ghazali.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin.

Tertuduh juga perlu melapor diri sebulan sekali di pejabat SPRM antara 1 hingga 5 hari bulan, menyerahkan passport kepada mahkamah dan dilarang mengganggu saksi pendakwaan.



Mohd Firdaus (kiri) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kota Bharu pada Isnin.



**SINAR
HARIAN
20.05.2025
(SELASA)**



Tak mengaku ambil suapan renovasi rumah

Kota Bharu: Seorang pegawai polis didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam terhadap dua pertuduhan menerima suapan barangan bernilai RM13,500 daripada seorang lelaki pada Januari dan Jun 2018.

Bagaimanapun, Mohd Firdaus Mohd, 40, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh sebagai seorang penjawat awam iaitu pegawai Polis Diraja Malaysia berpangkat asisten superintendan (ASP) yang ketika itu bertugas sebagai Ketua Bahagian Siasatan Jenayah di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Machang menerima pembayaran kos renovasi rumah secara percuma yang bernilai lebih kurang RM9,000 daripada seorang lelaki berusia 38 tahun di Kampung Pak Bhang Telong dekat Bachok pada Januari dan Jun 2018.

Bagi pertuduhan kedua pula, tertuduh didakwa menerima suatu barang berharga dengan tiada balasan iaitu wang deposit pembelian motosikal berkuasa tinggi berjumlah RM4,500 bertempat di IPD Machang pada Januari 2018.



MOHD Firdaus mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan menerima suapan berjumlah lebih RM13,000 tujuh tahun lalu.

RM9k

Nilai renovasi rumah didakwa diterima tertuduh

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang memperuntukkan penjara sehingga dua tahun atau denda atau dengan kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tengku Nurul Haziqah Tuan Yacob, manakala tertuduh diwakili Azura Ghazali.

Terdahulu, Tengku Nurul Haziqah mencadangkan jaminan sebanyak RM13,000 dikenakan kepada tertuduh.

Azura kemudiannya merayu supaya mahkamah membenarkan anak guamnya diikat jamin masing-masing RM2,500 bagi setiap pertuduhan.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM8,000 bagi kedua-dua pertuduhan dan menetapkan 23 Jun depan sebagai tarikh sebutan semula kes.



**HARIAN
METRO
20.05.2025
(SELASA)**



Oleh Muhaamad
Hafis Nawawi
mhafis@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Enam individu termasuk dua penjawat awam berjawatan pengarah bergelar Datuk serta seorang jurutera sebuah jabatan di ibu negara ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Isnin lalu.

Mereka ditahan kerana menerima rasuah bernilai ratusan ribu ringgit membabitkan tawaran kerja kontrak pembangunan dan penyenggaraan dari tahun 2021 hingga kini.

Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan lima suspek itu direman selama lima hari sehingga 24 Mei ini, manakala seorang lagi direman selama tiga hari selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, kelmarin.

Menurut sumber, suspek yang terdiri daripada empat lelaki dan dua wanita berusia lingkungan 20 hingga 50-an ditahan jam 5.30 petang, Isnin lalu, ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.

Rasuah ratusan ribu ringgit

6 termasuk 2 penjawat awam ditahan SPRM babit tawaran kerja kontrak sejak 2021



ENAM individu termasuk dua penjawat awam berjawatan pengarah bergelar Datuk serta seorang jurutera sebuah jabatan di ibu negara ditahan SPRM.

"Dua suspek utama berjawatan pengarah serta jurutera di sebuah jabatan kerajaan di ibu negara dipercayai meminta dan me-

nerima rasuah daripada kontraktor yang ditawarkan kerja kontrak pembangunan dan senggaraan antara 2021 hingga kini.

"Turut ditahan adalah pasangan suami isteri bersama bapa salah seorang daripada mereka iaitu pemilik syarikat bergelar Da-

tuk dan seorang kontraktor kerana disyaki bertindak sebagai orang tengah dalam mendapatkan rasuah dari kalangan kontraktor,"

katanya.

Sumber berkata, hasil siasatan awal mendapati kedua-dua suspek utama menerima kira-kira RM115,000 daripada orang tengah dalam bentuk wang tunai, pembiayaan ubah suai rumah dan pemberian telefon bimbit.

Katanya, menerusi Ops Kepala yang dijalankan Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM di 10 premis di sekitar Lembah Klang dan Johor, Isnin lalu, SPRM menyita dua unit Toyota Hilux, wang tunai kira-kira RM165,000 selain membekukan 95 akaun perbankan yang terdiri daripada akaun individu dan akaun syarikat membabitkan jumlah kira-kira RM6 juta.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap kesemua suspek.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



**HARIAN
METRO
22.05.2025
(KHAMIS)**



Dua disyaki tuntutan dividen RM180,000 guna dokumen palsu

SEREMBAN - Dua bekas pegawai badan berkanun direman empat hari sehingga 25 Mei ini selepas disyaki bersubahat menggunakan dokumen mengandungi maklumat palsu melibatkan tuntutan pembayaran dividen berjumlah kira-kira RM180,000.

Perintah reman suspek wanita serta lelaki berusia 30 dan 40 tahun itu dikeluarkan Majistret, Nurul Azuin Mohd Talhah selepas

permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret di sini pada Rabu.

Menurut sumber, kedua-dua suspek ditahan secara berasingan pada Selasa, di dua lokasi berasingan di Perak dan Terengganu sebelum dibawa ke Pejabat SPRM Negeri Sembilan.

"Kedua-dua suspek disyaki melakukan perbuatan itu antara 2021 hingga 2023.

"Kedua-dua suspek juga dipercayai menerima pembayaran dividen itu melalui akaun bank milik pasangan masing-masing yang merupakan penama tidak layak," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail mengesahkan tangkapan terhadap kesemua suspek kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



**SINAR
HARIAN
22.05.2025
(KHAMIS)**



PENYELUDUPAN BARANG BERBAHAYA DI KLIA

SPRM rakam keterangan 24 individu

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meraikan keterangan 24 individu berkait isu penyeludupan barang berbahaya melalui kargo di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), yang disyaki mempunyai unsur rasuah.

Menurut sumber, mereka yang dirakam percakapan terdiri daripada pekerja tiga syarikat serta pegawai dan kakitangan tiga agensi penguat kuasa yang beroperasi di KLIA.

Siasatan dijalankan berikutan kegiatan membawa masuk barang berbahaya berkenaan yang tidak mengikut prosedur operasi standard (SOP), meletakkan kawasan KLIA terdedah kepada isu ancaman keselamatan.

"Berdasarkan siasatan awal, barangan berbahaya iaitu bahan kimia ini dibawa masuk dengan diikrarkan sebagai produk aksesori atau isi rumah," kata sumber.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Perisikan SPRM Datuk Idris Zaharudin berkata, pihaknya kini sedang mengenal pasti kelemahan dalam aspek tata kelola yang membolehkan kemasukan barangan berkenaan.

Katanya, siasatan dibuat bagi mengenal pasti punca kelemahan tata kelola yang menyebabkan bahan kimia berkenaan mudah dibawa masuk tanpa mengikut peraturan sewajarnya.

"Satu kertas siasatan tata kelola turut dibuka oleh Bahagian Penyiasatan Tatakelola (BPT) bagi melihat aspek kelemahan tata kelola, pentadbiran pengurusan dan penguat-

kuasaan," katanya.

Siasatan SPRM terhadap isu ini bermula awal tahun ini selepas menerima maklumat bertubung kegiatan penyeludupan bahan berbahaya ke negara ini melalui kargo di KLIA.

Bahan berkenaan yang terdiri daripada bahan kimia dikesan dibawa masuk tanpa mematuhi prosedur operasi standard (SOP), sekali gus mewujudkan risiko keselamatan serius di lapangan terbang utama negara itu.

Maklumat awal menunjukkan berlaku kelemahan dalam pengurusan serta kawalan penguatkuasaan di pintu masuk utama itu, yang membuka ruang kepada unsur rasuah dalam kalangan pihak bertanggungjawab memantau kemasukan barangan.

Kegiatan itu turut dikaitkan dengan sekurang-kurangnya dua insiden kebakaran pada 2024 yang dipercayai berpunca daripada bahan kimia, sekali gus mencetuskan kebimbangan awam mengenai tahap keselamatan operasi kargo di KLIA.

"Siasatan dibuat bagi mengenal pasti punca kelemahan tata kelola yang menyebabkan bahan kimia itu mudah dibawa masuk tanpa ikut peraturan sewajarnya"

Pengarah Kanan Bahagian Perisikan SPRM Datuk Idris Zaharudin



**HARIAN
METRO
25.05.2025
(AHAD)**





SHAHRIZAL Ridzuan dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam.

Dipenjara sehari salah guna kuasa

Kuala Terengganu: Bekas pengurus bahagian pentadbiran dan sumber manusia Ladang Rakyat Terengganu dipenjara sehari dan didenda RM22,143 di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam kerana salah guna kuasa membabitkan pembekalan kad sim bernilai RM4,428.60.

Tertuduh, Shahrizal Ridzuan Ambak, 48, turut ber-

depan tiga bulan penjara sekiranya gagal menjelaskan denda berkenaan.

Keputusan itu dibuat Hakim Mohd Azhar Othman selepas tertuduh mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menggunakan jawatannya untuk mendapatkan suapan apa-

bila mengambil tindakan membuat pembekalan kad sim kepada 117 pekerja baharu warga India berjumlah RM4,428.60.

Tertuduh mempunyai kepentingan kerana ejen pembekalan kad sim itu adalah anaknya.

Kesalahan didakwa dilakukan di Ladang Rakyat Terengganu, Cheneh, Kema-

man antara Julai hingga September 2022.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Nur Mahirah Mohd Fauzi, manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd Hazwan Hamidun.



**HARIAN
METRO
27.05.2025
(SELASA)**



Tak mengaku salah beri rasuah

Kuantan: Seorang pembantu kedai pendingin hawa mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan memberi rasuah kepada anggota polis, tahun lalu.

Tertuduh Hiew Chee Yong, 47, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Sazlina Safie.

Mengikut pertuduhan, bapa dua anak itu didakwa menawarkan wang tunai RM1,500 kepada seorang sarjan polis yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan sebagai balasan untuk melepaskan dua lelaki daripada ditahan mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan.

Chee Yong didakwa melakukan kesalahan itu di Lokap Berpusat Indera Mahkota, di sini, kira-kira jam 3.10 petang pada 6 Mei tahun lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara



CHEE Yong (kiri) diiringi anggota SPRM keluar mahkamah selepas dituduh dan tidak mengaku bersalah atas kesalahan memberi suapan. - Gambar NSTP/MUHAMMAD DELIMA ATAN

maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM Ezuain Farhana Ahmad mencadangkan jaminan RM12,000 dengan seorang penjamin dan memohon mahkamah memerintahkan tertuduh tidak mengganggu saksi sehingga kes selesai.

Peguam Muhamad Saifuldin Ab Rahman memaklumkan anak guamnya berpendapatan RM1,435 sebulan dan menyara isteri, dua anaknya dan seorang ibu yang sudah berusia.

Mahkamah menetapkan ikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin dan memerintahkan tertuduh menyerahkan pasportnya.



**HARIAN
METRO
27.05.2025
(SELASA)**





Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Penolong Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sembilan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas dua pertuduhan menyalahgunakan jawatan untuk mendapatkan kontrak bagi syarikat isterinya.

Tertuduh, Rosdi Pilus, 50, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan selepas ia dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Darmafikri Abu Adam.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh sebagai Pegawai Belia Dan Sukan menggunakan kedudukannya untuk suapan iaitu kontrak perkhidmatan bagi isterinya dengan membuat padanan bayaran bagi bawcar bayaran bagi sebut harga perniagaan milik isterinya.

Ia berkaitan perolehan perkhidmatan pakej penginapan, makan dan minum Kursus Teknologi Reka-bentuk Pembungkusan dan Pelabelan Produk Zon Selatan yang bernilai RM19,990 pada 18 November 2021.

Bagi pertuduhan kedua pula, tertuduh didakwa melakukan kesalahan sama dengan memperakukan 'Kelulusan Ketua Bahagian' pada Borang Permohonan Pesanan Kerajaan atas nama syarikat milik isterinya.

Ia bagi perolehan Perkhidmatan Bagi Program Hari Sukan Negara Tahun 2022 (HSN2022) Peringkat Negeri Sembilan berjumlah RM5,000 pada 23 Februari 2022.

Justeru, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara selama tempoh tidak lebih 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Zainab Yahya menawarkan jaminan RM15,000 bagi kedua-dua pertuduhan, namun peguam Muhammad Wajih Zakwan Hanif memohon jaminan paling minimum kerana jumlah jaminan dicadangkan adalah di luar kemampuan tertuduh dan penjamin.

Mahkamah membenarkan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin warganegara bagi kedua-dua pertuduhan dan sebutan semula kes ditetapkan pada 7 Julai ini.



**HARIAN
METRO
28.05.2025
(RABU)**



Cuba rasuah polis RM95, warga Myanmar didenda RM5,000

BUTTERWORTH -

Seorang pembantu restoran warga Myanmar didenda RM5,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini selepas mengaku bersalah atas tuduhan merasuah seorang anggota polis bagi mengelak dikenakan tindakan kerana menunggang motosikal tanpa memiliki lesen sah pada Khamis lalu.

Tertuduh, Han Tun, 36, membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Inggeris di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu secara rasuah memberikan sejumlah wang bernilai RM95 kepada Konstabel Uzairuddin Azizi Che Omar sebagai balasan

untuk tidak mengambil tindakan undang-undang.

Kesalahan itu dilakukan di Jalan Burma, George Town kira-kira jam 6.30 petang pada 22 Mei lalu.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Nurnajihatul Idayu Mohd Azuyar manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Sebelum menjatuhkan hukuman, Zulhazmi mengingatkan tertuduh perbuatan rasuah di negara ini kesalahan serius sebelum menjatuhkan hukuman denda RM5,000 terhadapnya.

Mahkamah juga menetapkan hukuman penjara dua bulan sekiranya tertuduh gagal membayar denda.



Tertuduh (dua dari kanan) diiringi pegawai SPRM ketika dibawa ke Mahkamah Butterworth, pada Selasa.



**SINAR
HARIAN
28.05.2025
(RABU)**



Lebih banyak
kertas siasatan
dijangka dibuka

Oleh MUHAMMAD
AFHAM RAMLI
KAJANG

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menolak kemungkinan lebih banyak kertas siasatan akan dibuka bagi tujuan melucutkan hak sebahagian harta milik bekas Menteri Kewangan, Allahyarham Tun Dr Daim Zainuddin dan keluarganya yang tidak diisytiharkan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya akan meneruskan tindakan yang telah diatur dan dirancang bagi menentukan status hak milik harta-harta tersebut, yang dipercayai diperolehi secara menyalahi

**RM2 bilion harta milik
Tun Daim bakal dilucutkan**



Laporan Sinar Harian
pada 23 Mei lalu.

SPRM tetap teruskan tindakan lucut harta Daim - Azam

undang-undang.

"Jumlah keseluruhan harta yang telah dikesan SPRM setakat ini adalah RM2 bilion, namun ia mempunyai pecahan-pecahan yang memerlukan tindakan melucut hak secara berasingan.

"Setiap harta yang terlibat dalam tindakan pelucutan hak memerlukan satu permohonan kertas siasatan.

"Setakat ini, hanya lapan kertas siasatan yang telah dibuka dan ya... ia mungkin akan bertambah selepas ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Peluncuran Polisi Integriti di Universiti Islam Selangor di sini pada Rabu.

Hadir sama Naib Canselor UIS, Datuk Prof Dr Mohd Farid Ravi Abdullah.

Dalam pada itu, Azam turut menyelar kenyataan peguam isteri dan keluarga Daim yang menyifatkan tindakan SPRM sebagai tidak masuk akal dan tidak berasas dari segi undang-undang.



ALLAHYARHAM
TUN DAIM



AZAM

"Berasas atau tidak, itu adalah pandangan beliau. Mereka juga mempunyai hak untuk menyuarakan sebarang pandangan.

"Namun di pihak saya, kita akan meneruskan tindakan yang diatur dan dirancang," ujarnya.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan bahawa SPRM sedang berusaha untuk melucutkan hak pemilikan harta milik Daim, keluarganya serta proksi-proksinya.

SPRM turut dipercayai sedang menjejaki aset yang tidak diisytiharkan dan berkemungkinan berada di luar negara.



Bangunan
Menara
Ilham antara
aset milik
Allahyarham
Tun Daim
yang disita.
- Gambar
hiasan



**SINAR
HARIAN
29.05.2025
(KHAMIS)**



Kes pengubahan wang haram SEB, SPRM akan guna khidmat MLA

KAJANG - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan melakukan kerjasama dengan beberapa pihak berkuasa negara luar bagi mendapatkan maklumat terperinci membabitkan kes Sapura Energy Bhd (SEB).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya akan mengguna pakai Bantuan Undang-Undang Bersama (MLA) di beberapa negara untuk memperoleh maklumat serta bukti berkaitan siasatan kes pengubahan wang haram yang dikaitkan dengan syarikat tersebut.

Beliau berkata, usaha mendapatkan bantuan itu akan dilaksanakan menerusi Jabatan Peguam Negara (AGC).

"Pada masa ini, SPRM sudah menyiapkan permohonan MLA itu. Ia akan diserahkan kepada AGC dalam tempoh terdekat," katanya di sini pada Rabu.

Azam sebelum ini mendedahkan, sekurang-kurangnya tiga negara iaitu Brazil, Singapura

dan Belanda dikesan terbabit dalam transaksi pelaburan mencurigakan oleh syarikat terbabit.

Beliau berkata, keterangan berhubung transaksi kewangan di luar negara itu penting untuk membantu siasatan SPRM.

Menurutnya, dua rakyat Malaysia turut dikesan menjadi proksi dalam pelaburan mencurigakan syarikat itu.

"Kami sedang melengkapkan siasatan salah laku di SEB termasuk memanggil lebih ramai

saksi bagi dirakam keterangan.

"SPRM juga sedang giat membuat analisa kewangan daripada dokumen-dokumen yang diperoleh," ujarinya.

Sebelum ini *Sinar Harian* melaporkan SPRM sedang menyiasat seorang tokoh perniagaan bergelar Tan Sri berhubung kes pengubahan wang haram yang dikaitkan dengan SEB.

Media difahamkan individu berkenaan sudah hadir ke Ibu Pejabat SPRM untuk dirakam percakapan selama dua hari berturut-turut.

Fokus siasatan SPRM menjurus kepada kesalahan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009 iaitu salah guna kuasa dalam isu membabitkan ganjaran yang meliputi gaji, bonus dan syer, selain yuran penjenamaan dan amalan penyenaraian persendirian antara 2012 hingga 2021.

Siasatan juga sedang mengenal pasti kesalahan pecah amanah, salah guna dana serta pemalsuan di bawah Kanun Keseksaan.



Laporan *Sinar Harian* pada 9 Mei lalu.



**SINAR
HARIAN
29.05.2025
(KHAMIS)**



JKMR tingkatkan kredibiliti laporan SPRM

PUTRAJAYA - Kepelbagaian latar belakang dan kepakaran yang dimiliki ahli Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) memberi nilai tambah kepada keberkesanan jawatankuasa terbabit sebagai pemantau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pengerusi JKMR, Datuk Mohd Shahar Abdullah berkata, selain itu ia juga akan meningkatkan kredibiliti Laporan Tahunan SPRM yang akan dikemukakan kelak.

"Kita perlu menghormati bidang kuasa masing-masing, sama ada JKMR mahupun SPRM, komited kepada objektif bersama, mengutamakan ketelusan, justeru kepercayaan umum terhadap tadbir urus negara dapat dipertahankan," katanya ketika mempengerusikan Mesyuarat JKMR Bilangan 1 Tahun 2025 di sini pada Selasa.

Mesyuarat itu turut disertai Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan

Sri Azam Baki dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya.

Menurut Azam, taklimat rasmi berkenaan hala tuju suruhanjaya kepada semua ahli JKMR merupakan permulaan kepada kerjasama yang lebih strategik dalam memperkukuh sistem pencegahan rasuah negara.

Sementara itu, ahli-ahli JKMR turut memberikan beberapa cadangan bagi meningkatkan kredibiliti SPRM dalam mempergiatkan usaha-usaha pencegahan rasuah, seperti cadangan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah, perincian strategi untuk meningkatkan Indeks Persepsi Rasuah (CPI), meningkatkan persepsi masyarakat terhadap SPRM melalui pelbagai platform komunikasi, serta langkah-langkah untuk menangani cabaran dalam pendakwaan kes rasuah.



**SINAR
HARIAN
29.05.2025
(KHAMIS)**



BERSALAH TERIMA SUAPAN RM10,000

Bekas pengarah APMM dipenjara 20 bulan

Johor Bahru: Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 20 bulan terhadap bekas Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Tanjung Sedili, Johor bagi kesalahan menerima suapan RM10,000, lima tahun lalu.

Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail menjatuhkan hukuman itu berkuat kuasa semalam, selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes terhadap tertuduh, Mohd Zulfadli Nayan, 44, melampaui keraguan yang munasabah di akhir kes pembelaan.

"Selepas mendengar dan menimbangkan semua keterangan yang dikemukakan, mahkamah berpendapat tertuduh gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

"Mahkamah memutuskan tertuduh bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan," hujah beliau dalam penghakimannya.



MOHD Zulfadli dijatuhkan hukuman penjara 20-bulan atas kesalahan menerima suapan berjumlah RM10,000 lima tahun lalu. - Gambar NSTP/NAJMI NOR'AZAM

Sebelum hukuman dijatuhkan, Peguam Mohd Fazaly Ali Mohd Ghazaly mewakili tertuduh memohon hukuman denda berbanding penjara atas alasan

anak guamnya mempunyai empat anak berusia antara tiga hingga 11 tahun.

Beliau memberitahu mahkamah penjawat awam itu ditahan kerja sejak 23

Mei 2021 dan sepanjang tempoh itu, hanya bekerja sebagai pemandu e-hailing dan membuat kerja pendawaian elektrik dengan gaji antara RM2,000 hingga RM3,000 sebulan bergantung permintaan pelanggan dan kesihatannya.

"Tertuduh ada sakit gout, migrain serius dan gastrik yang mana dia mengambil ubat-ubatan secara berkala," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Zander Lim Wai Keong memohon hukuman setimpal bukan sahaja untuk kepentingan awam, tetapi bukti mahkamah menegakan perbuatan rasuah.

"Sebagai pegawai kanan Persekutuan, tertuduh perlu memastikan perundangan dilaksanakan dan keselamatan perairan terpelihara tetapi dia bersetuju menerima RM10,000 daripada ejen kapal yang jelas bertentangan dengan tanggungjawab serta mencemarkkan imej Maritim Malaysia," katanya.



**HARIAN
METRO
31.05.2025
(SABTU)**





ANTARA kenderaan mewah yang disita bernilai hampir RM7 juta.

TUNTUTAN PALSU, SALAH GUNA BON BINA LEBUH RAYA

SITA ASET TAN SRI RM32 JUTA

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pelbagai aset termasuk kenderaan mewah, barangan kemas, beg tangan berjenama dan wang tunai bernilai RM12 juta disita daripada seorang Tan Sri yang disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), berhubung tuntutan palsu dan salah guna bon pinjaman bagi pembinaan sebuah lebuh raya di Lembah Klang.

Menurut sumber, kesemua

barangan mewah itu diperoleh pegawai penyiasat Bahagian Siasatan SPRM selepas menyebu dua kediaman milik Tan Sri itu yang terletak di ibu negara, kelmarin.

"SPRM menyita sembilan kenderaan mewah seperti Bentley, Mercedes-Benz dan Range Rover bernilai hampir RM7 juta.

"Menerusi pengeledahan itu, SPRM turut menyita 217 unit jam tangan mewah pelbagai jenama yang dianggarkan berjumlah kira-kira RM5 juta, 27 unit tas tangan bernilai lebih RM1 juta dan barangan kemas berjumlah lebih RM4 juta," ka-

tanya.

Dalam serbuan sama, sumber berkata, SPRM turut menemui sebuah stor simpanan pelbagai jenis minuman beralkohol mewah di salah sebuah kediaman yang dipercayai bernilai kira-kira RM3 juta.

Katanya, barangan itu dipercayai mempunyai kaitan dengan aktiviti pengubahan wang haram.

"Dalam tindakan yang dijalankan itu juga, SPRM membuat sitaan ke atas sebuah unit kediaman mewah terletak di ibu negara dianggarkan bernilai RM12 juta," katanya.

Katanya, kesemua barang

dan aset disita bagi tujuan siasatan lanjut mengikut Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLA) 2001.

Bulan lalu, media melaporkan empat individu termasuk seorang Datuk Seri ditahan kerana disyaki membuat tuntutan palsu berjumlah kira-kira RM360 juta.

Kesemua suspek terdiri daripada tiga lelaki dan seorang wanita berusia lingkungan 50-an hingga 70-an ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM.

Keempat-empat suspek

disyaki mengemukakan tuntutan palsu bernilai kira-kira RM360 juta menggunakan dana sukuk dalam sebuah projek pembinaan lebuh raya di Lembah Klang yang bernilai kira-kira RM1.30 bilion antara 2016 hingga 2017.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dilaporkan berkata, SPRM membuka tiga kertas siasatan sebaik siasatan bermula pada 9 Mei lalu.

Beliau berkata, dalam siasatan itu wang tunai berjumlah RM1.9 juta, dua kereta mewah bernilai RM900,000 dan akaun bank bernilai RM34 juta disita SPRM.



TAS tangan bernilai lebih RM1 juta dan barangan kemas berjumlah lebih RM4 juta yang dirampas.



**HARIAN
METRO
31.05.2025
(SABTU)**



SPRM sita aset mewah Tan Sri

Barangan mewah RM32 juta disita susulan penyelewengan sukh pembinaan lebu raya

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
KUALA LUMPUR

Pelbagai aset dan barangan mewah berjumlah RM32 juta disita Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) daripada seorang pemegang konsesi lebu raya bergelar Tan Sri.

Sumber berkata, sitaan itu membabitkan tas tangan, barang kemas, kenderaan mewah, jam tangan, wang tunai serta kediaman mewah.

Kata sumber, SPRM bertindak demikian susulan siasat-



Deretan kenderaan dan jam tangan mewah antara yang dirampas daripada individu bergelar Tan Sri.



an melibatkan penyelewengan dana sukh pembinaan lebu raya di Lembah Klang.

"Sitaan ini susulan penggeledahan oleh Bahagian Siasatan SPRM di dua kediaman

milik individu berkenaan yang terletak di ibu negara pada Khamis.

"Menerusi penggeledahan ini, SPRM telah menyita 217 unit jam tangan mewah pelbagai jenama yang dianggarkan berjumlah RM5 juta, 27 unit tas tangan berjumlah lebih RM1 juta dan barang kemas berjumlah lebih RM4 juta.

"SPRM turut menyita sembilan unit kenderaan mewah seperti Bentley, Mercedes-Benz dan Range Rover bernilai hampir RM7 juta," katanya.

Sumber berkata, susulan penggeledahan itu, SPRM turut menemui sebuah setor simpanan pelbagai jenis minuman beralkohol mewah di salah sebuah kediaman yang dianggarkan bernilai kira-kira RM3 juta.

Jelasnya, perolehan minuman beralkohol mewah itu di-

percaya mempunyai kaitan dengan aktiviti pengubahan wang haram.

Katanya lagi, SPRM turut membuat sitaan ke atas sebuah unit kediaman mewah terletak di ibu negara dianggarkan bernilai sekitar RM12 juta yang dipercayai milik individu berkenaan.

"Kesemua barang dan aset disita bagi tujuan siasatan lanjut di bawah Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLA) 2001," ujarnya.

Bulan lalu, media melaporkan empat individu termasuk seorang Datuk Seri ditahan kerana disyaki membuat tuntutan palsu berjumlah kira-kira RM360 juta.

Kesemua suspek terdiri daripada tiga lelaki dan seorang wanita berusia lingkungan 50-an

RM32 JUTA ASET TAN SRI DISITA SPRM	
 217 JAM TANGAN	bernilai RM5 juta
termasuk Bentley, Mercedes-Benz dan Range Rover (RM7 juta)	9 KENDERAAN MEWAH
 27 TAS TANGAN	pelbagai jenama (RM1 juta)
berjumlah RM4 juta	BARANG KEMAS
 RM3 JUTA ALKOHOL	berjenama mewah, ditemui dalam stor
bernilai RM12 juta di ibu negara	1 RUMAH MEWAH
	WANG TUNAI

hingga 70-an ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM.

Keempat-empat suspek disyaki mengemukakan tuntutan palsu bernilai kira-kira RM360 juta menggunakan dana sukh dalam sebuah projek pembinaan lebu raya di Lembah Klang yang bernilai kira-kira RM1.3 bilion antara 2016 hingga 2017



Barang kemas bernilai RM4 juta turut disita SPRM.



**SINAR
HARIAN
31.05.2025
(SABTU)**

